

Teks Ucapan

**Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati Binti Pehin Orang
Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh**

Peguam Negara

Majlis Pelancaran

‘LEGAL ADVICE AND ADVISORY CLINIC’

bersempena sambutan
International Women’s Day

8 Mac 2013

Tempat:
Dewan Pencapaian
Institut Perkhidmatan Awam
Kampong Rimba

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera

Yang Mulia Datin Paduka Hajah Intan binti Hj. Md Kassim, selaku Yang DiPertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat.

Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia Pengiran-Pengiran, Dato-Dato, Datin-Datin, Awang-Awang, Dayang-Dayang dan hadirin hadirat yang kaola/saya hormati.

Alhamdulillah, kaola/saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia rahmat dan izinNya jua, kita dapat sama-sama hadir ke Majlis Pelancaran "LEGAL ADVICE AND ADVISORY CLINIC" pada pagi yang indah ini dan saya dengan ikhlas merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang DiPertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Intan dan ahli Jawatankuasa Majlis Pelancaran pagi ini kerana telah menjemput saya untuk hadir dan seterusnya menyampaikan ucapan dan menyempurnakan perasmianya.

Jika kita amat-amati keadaan sekeliling dunia pada masa sekarang, kita sentiasa mendengar ataupun membaca mengenai perkara-perkara buruk dan musibah-musibah yang berlaku di merata dunia. Perkara-perkara ini menimpa pelbagai sektor masyarakat

tanpa diskriminasi atau mengenal perbezaan dari segi bangsa, agama, pangkat, taraf dan sebagainya. Yang nyata, cabaran yang timbul dari pergolakan hidup kita dalam era globalisasi, era yang menggundang perkara-perkara seperti hak asasi, hak ekonomi, hak yang timbul dari hubungan politik di dunia antarabangsa dan domestik dan seterusnya keadaan sosial masyarakat setempat.

Walaupun pergolakan hidup sedemikian berlaku dalam bentuk berbeza, pada realitinya mangsa yang paling ketara sekali dibebani oleh pergolakan hidup sedemikian adalah masyarakat yang kurang bernasib baik, di mana jua mereka berada. Golongan yang boleh dikategorikan sebagai golongan masyarakat yang kurang bernasib baik termasuklah mereka yang miskin, yang kurang upaya, wanita-wanita, kanak-kanak dan warga tua yang tidak mempunyai kemampuan dari segi fizikal, ekonomi maupun sosial untuk membela nasib mereka sendiri dengan baik dan memuaskan termasuk dari segi akses kepada keadilan apabila ia diperlukan.

Persoalannya sekarang adalah ‘Bagaimanakah cara untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik ini?’. Kita yang hadir di sini pada pagi ini, jika pun tidak 100%, pada majoritinya, besar kemungkinan terkandung dalam kumpulan ‘pihak-pihak tertentu’ yang dapat membantu. Kitalah juga pihak yang harus peka akan nasib kurang baik golongan masyarakat yang kurang mampu ini. Dengan adanya kepekaan dan kesedaran tersebut barulah kita dapat membekalkan diri kita masing-masing dengan kebolehan untuk mencari jalan penyelesaian bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam kehidupan seharian yang timbul dalam bentuk permasalahan apa jua, sama ada dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Oleh yang demikian, saya sangat mengalu-alukan dan amat berbangga dengan inisiatif yang diambil oleh Majlis Kesejahteraan Masyarakat untuk mengadakan klinik yang digelar “LEGAL ADVICE AND ADVISORY CLINIC” dan menyokong setinggi-tingginya langkah yang diambil oleh pihak NGO seperti Majlis ini untuk sedikit sebanyak menampung keperluan kebajikan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Dengan adanya klinik sedemikian, yang mampu menampung dan memberi khidmat nasihat sewajarnya, dengan sendirinya boleh memberi kesinambungan terhadap kuasa dan inisiatif pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pihak NGO lainnya, dalam memelihara kebajikan dan kesejahteraan masyarakat setempat kita ini. Adalah juga diharapkan dengan adanya inisiatif seperti ini, golongan masyarakat yang kurang bernasib baik akan merasa sentiasa disokong dan dibantu seberapa yang terdaya oleh pihak-pihak tertentu. Pada dasarnya inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh disokong dan dibantu melalui klinik ini termasuk inisiatif-inisiatif kebajikan dan kesejahteraan masyarakat seperti skim-skim bantuan kewangan, khidmat nasihat dan kaunseling dan sebagainya. Disamping itu juga terdapat juga agensi agensi Kerajaan yang mengambil inisiatif untuk mengendalikan bengkel-bengkel, jerayawara dsb yang bertujuan untuk memberi pengetahuan dan maklumat mengenai proses atau tatacara yang berhubungkait dengan bantuan bagi golongan yang kurang bernasib baik. Insya Allah, Pejabat Peguam Negara juga akan meneruskan usaha sedemikian, seberapa terdaya, seperti Bengkel Perlaksanaan Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan), 2010

mengenai 'dharar syarie' atau keganasan rumahtangga yang telah diadakan pada 28 Mei 2012 di Pejabat Peguam Negara.

Kita harus mengambil iktibar dari inisiatif MKM ini dan seharusnya bersikap proaktif dalam membantu menangani cabaran kehidupan yang dihadapi oleh golongan kurang bernasib baik. Kita tidak boleh lengah dan lalai dalam menghadapi realiti ini kerana ianya adalah realiti yang bersandarkan fakta dan statistik. Tidak dapat dinafikan bahawa di negara kita ini sendiri, walaupun cabaran kehidupan tidak seburuk di negara-negara lain yang mempunyai purata kemiskinan atau kematian yang amat tinggi, oleh kerana keadaan sosial yang tidak mengizinkan, memang tercetus kes-kes jenayah yang melibatkan golongan yang kurang bernasib baik. Pada kebiasaanya kes-kes tersebut berpunca dari kemiskinan, penderaan, kurang pengetahuan mengenai proses-proses tertentu dan sebagainya. Sebagai contoh, jenayah penderaan wanita dan kanak-kanak yang dilaporkan pada tahun 2010 adalah 275 kes, tahun 2011 sebanyak 241 kes dan pada tahun 2012, sebanyak 271 kes. Selain itu, terdapat juga kes-kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan tertentu yang diperuntukan dalam undang-undang seperti Kanun Jenayah seperti mencuri, mencederakan, salah laku dan lain-lain. Dalam hal-hal seperti inilah pihak-pihak tertentu boleh memainkan peranan untuk membantu dengan memberi khidmat nasihat, sama ada yang berbentuk khusus seperti nasihat mengenai perundangan dan proses ataupun tatacara yang dituntut oleh undang-undang atau yang berhubungkait dengannya. Disamping khidmat nasihat yang khusus, khidmat nasihat secara umum yang mungkin melibatkan kaunseling atau sebagainya juga akan sedikit sebanyak memberi pengetahuan

dan membuka jalan untuk mencari penyelesaian kepada cabaran-cabaran kehidupan yang dihadapi oleh golongan kurang bernasib baik.

Seperti yang difahamkan, objektif klinik yang dilancarkan pada hari ini sememangnya bertujuan untuk melaksanakan peranan yang disebut tadi, iaitu untuk membantu dan mendidik golongan yang kurang bernasib baik dan lemah untuk memahami proses perundangan yang boleh membantu mereka. Selain itu juga ia bertujuan untuk memberi kesedaran akan kewujudan jalan penyelesaian masalah yang boleh diberikan oleh pihak-pihak tertentu seperti agensi-agensi kerajaan dan pihak NGO seperti MKM.

Akhir kata, syabas diucapkan kepada pihak MKM kerana menggorak langkah ke arah yang positif dan berkebajikan ini dan saya berdoa agar inisiatif MKM mengadakan klinik berkenaan akan berjaya dan berterusan berkembang dan sentiasa mendapat sokongan padu daripada pihak-pihak berkenaan. Disamping firma guaman Sankaran Halim, saya juga berharap banyak lagi firma undang-undang yang akan ikut serta menyokong inisiatif yang berkebajikan ini. Saya berdoa semoga ianya mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu Wa ta'ala jua. Ibarat pantun lama:

Pulau Pandan Jauh Ketengah
Gunung Daik Bercabang Tiga
Biar Badan Dikandung Tanah
Budi yang Baik dikenang Juga.

Selamat menyambut Hari Wanita Antarabangsa dan semoga kaum wanita di Negara Brunei Darussalam akan terus Berjaya dan

diberikan pengiktirafan sebagai memainkan peranan penting ke arah pembangunan Negara.

Akhirnya dengan lafaz kalimah berkat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallahualaihi wassalam, dan dengan bertawakal serta bersyukur ke hadrat Allah Subahannahu Wata'ala kaola/saya dengan gembiranya, sukacita melancarkan : “LEGAL ADVICE AND ADVISORY CLINIC” ini.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته